A

MOHD NORKHAIRI MAT DARUS

lwn.

KETUA POLIS NEGARA & LAIN-LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAINAL AZMAN AB AZIZ PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-40-2008]
8 APRIL 2009

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Tahanan pencegahan - Habeas corpus - Permohonan - Tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969, s. 4(1) - Sama ada tahanan pemohon sah - Sama ada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk menandatangani Perintah Tahanan setelah*
D *Parlimen dibubarkan - Sama ada keperluan Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Prosedur) 1972 telah dipatuhi - Sama ada telah berlaku ketakpatuhan prosedur*

TAHANAN PENCEGAHAN: *Tahanan - Permohonan untuk habeas*
E *corpus - Tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 s. 4(1) - Sama ada tahanan pemohon sah - Sama ada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk menandatangani Perintah Tahanan setelah*
F *Parlimen dibubarkan - Sama ada keperluan Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Prosedur) 1972 telah dipatuhi - Sama ada telah berlaku ketakpatuhan prosedur*

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Eksekutif - Kerajaan sementara - Sama ada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk menandatangani Perintah Tahanan setelah*
G *Parlimen dibubarkan*

Pemohon telah memfailkan satu notis usul untuk satu perintah writ *harbeas corpus* dikeluarkan supaya pemohon dibebaskan serta merta daripada tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam,
H Johor. Sepertimana Perintah Tahanan yang dikenakan oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri ("TMKDN"), Pemohon telah diperintahkan ditahan selama dua (2) tahun mulai daripada 7 Mac 2008, selaras dengan s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969. Pihak
I Pemohon telah berhujah, *inter alia*, bahawa: (i) TMKDN tiada kuasa untuk menandatangani Perintah Tahanan pada 7 Mac 2008 memandangkan Parlimen telahpun dibubarkan pada masa itu dan

'caretaker government' tiada kuasa untuk membuat apa-apa perintah tahanan; (ii) persidangan Lembaga Penasihat tidak adil dan tidak mengikut prinsip 'Natural Justice'; (iii) Pemohon didorong dan dipaksa untuk mengaku salah terhadap tuduhan yang dikenakan; (iv) Kaedah-kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Prosedur) 1972 tidak diikuti; dan (v) Pemohon tidak diberi peluang untuk memberi representasi atau hujah.

Diputuskan, menolak permohonan bagi writ *habeas corpus*:

(1) Kedudukan TMKDN semasa menjalankan tugas pada 7 Mac 2008 adalah sah dan beliau menjalankan tugas harian sepertimana yang biasa dilakukan olehnya. Oleh itu, proses membuat keputusan dan pengeluaran perintah tahanan adalah suatu yang biasa atau rutin dan bukan satu dasar atau tugas baru. Dengan itu, perintah tahanan yang ditandatangani pada 7 Mac 2008 adalah sah dan teratur dan tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan atau Undang-undang. (perenggan 7)

(2) Perintah tahanan yang ditandatangani itu telah dibuat setelah TMKDN berpuas hati akan laporan siasatan yang telah dijalankan ke atas pemohon oleh pihak polis dan oleh itu, ianya adalah sah, teratur dan berkuatkuasa. (perenggan 11)

(3) Pemohon telah ditanya akan haknya dan pemohon telah dimaklum untuk memanggil saksi. Pemohon telahpun diberi peluang untuk membuat representasi dan oleh itu, keperluan Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Prosedur) 1972 telahpun dipatuhi semuanya oleh pihak Responden. (perenggan 12 & 13)

(4) Pemohon telah gagal mengasaskan telah berlaku 'procedural impropriety' atau ketakpatuhan prosedur daripada proses undang-undang dalam permohonan ini. Perintah tahanan bertarikh 7 Mac 2008 adalah sah dan teratur. (perenggan 18 & 19)

Kes-kes yang dirujuk:

Su Yu Min v. Ketua Polis Negeri & Ors [2005] 3 CLJ 875 HC ***(dirujuk)***

Tay Lay Beng v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor [2004] 8 CLJ 674 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Federal Constitution, art. 8(1)
Emergency (Public Order And Prevention of Crime) Ordinance 1969, s. 4(1)

Bagi pihak PP - Mohd Azlan Shah Mohd Allias KDN
Bagi pihak pembelaan - Richard Wee (Sunil Lopez bersamanya); T/n Richard Wee Lopez

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Zainal Azman Ab Aziz PK:

Pengenalan

[1] Ini adalah satu notis usul di Lampiran 3 yang difailkan pemohon, Mohd Norkhairi Mat Darus untuk satu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan supaya pemohon dibebaskan serta merta daripada tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor.

[2] Sepertimana perintah tahanan yang dikenakan oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, pemohon telah diperintahkan ditahan selama dua (2) tahun mulai daripada 7 Mac 2008, selaras dengan s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969.

OD (KAMJ) 1B

ORDINAN DARURAT

(KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 1969

PERINTAH TAHANAN

(Seksyen 4(1))

Kepada:

Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor;

Ketua Polis Negara, Malaysia;

Semua Pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkenaan.

BAHAWASANYA Saya, berpuashati yang Perintah Tahanan adalah perlu dibuat ke atas orang yang namanya tersebut di bawah ini dengan tujuan:

(a) mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam* dan

(b) menghapuskan kekerasan*

(c) mencegah jenayah melibatkan kekerasan*

Nama	Nombor Kad Pengenalan
Mohd Norkhairi bin Mat Darus	870801-06-5373

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 4(1), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, saya dengan ini memerintahkan supaya orang yang namanya yang tersebut di atas ditahan selama dua (2) tahun mulai dari 7 haribulan Mac 2008 di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarah dari semasa ke semasa.

Diperbuat pada 07 haribulan Mac 2008.

t.t.

(Dato' Mohd Johari bin Baharum)
Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia

[KAMJ 17526]

*Potong yang tidak berkenaan

Saya C/INSP. MOHD. PADHLILLAH BIN CHE HARUN I/13424 yang bertandatangan di bawah memperakui bahawa saya pada hari ini 07 haribulan Mac 2008 jam 10.05 pagi/petang/malam* telah menyampaikan kepada MOHD. NORKHAIRI BIN MAT DARUS No. Kad Pengenalan 870801-06-5373.

(a) satu salinan Perintah Tahanan di bawah seksyen 4(1), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969;

(b) satu salinan penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya Perintah itu dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan;

dan telah menerangkan kepada orang tahanan tersebut mengenai haknya untuk membuat representasi terhadap Perintah Tahanan itu.

Tandatangan. t.t.

Nama dan Pangkat. (Mohd. Padhlillah B. Che Harun) C/Insp.

Jawatan Pegawai. Pencegah Kongsi Gelap (D7)

Isi kandungan butiran (a) dan (b) dan penerangan yang tersebut di atas telah diterangkan kepada orang ahanan semasa penyampaian dilakukan dalam bahasa/loghat* MALAYSIA/PAHANG oleh: C/INSP. MOHD. PADHLILLAH BIN CHE HARUN

Tandatangan.t.t.

Nama Jurubahasa D/SM AZIZAN BIN SAAD.

No. Kad Pengenalan/no. Personel* RF/73229.

Saya MOHD. NORKHAIRI BIN MAT DARUS

No. Kad Pengenalan 870801-06-5373 mengaku telah menerima semua dokumen yang tersebut di butiran (a) dan (b) di atas pada 07 haribulan MAC 2008 dan telah faham isi kandungannya serta faham mengenai hak saya untuk membuat representasi terhadap Perintah Tahanan itu.

Tandatangan t.t. .

Nama MOHD. NORKHAIRI BIN MAT DARUS.

No. Kad Pengenalan 870801-06-5373.

* potong yang tidak berkenaan

LAMPIRAN 'E'

ORDINAN DARURAT

(KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH)
NO: 5/69

Nama Orang Tahanan : Mohd Norkhairi bin Mat Darus

No. Kad Pengenalan : 870801-06-5373

Alasan-alasan Yang Atasnya Perintah Itu Dibuat

Bahawa kamu adalah ketua kumpulan curi motosikal yang bergiat aktif di sekitar Kuantan, Pahang yang telah melibatkan diri dalam kegiatan yang memudaratkan ketenteraman awam dan kegiatan jenayah berunsur kekerasan.

Pengataan-pengataan Fakta Yang Atasnya Perintah Itu Diasaskan:

1. Bahawa kamu pada bulan Julai 2007, jam lebih kurang 5.30 petang, bertempat di simpang jalan masuk ke taman perumahan Seri Inderapura Kuantan, Pahang, kamu bersama rakan sejenayah dengan sengaja telah menahan mangsa seorang penunggang motosikal jenis Yamaha 125 Z serta mengugut akan mencederakan mangsa supaya menyerahkan motosikalnya kepada kamu. Seterusnya kamu bersama rakan sejenayah telah melarikan motosikal tersebut. Rakan sejenayah kamu telah menjual motosikal tersebut dengan harga RM800.00 dan menyerahkan kepada kamu sebanyak RM400.00.

2. Bahawa kamu pada bulan September 2007, jam lebih kurang 4.30 petang, bertempat di pusat Cyber Cafe Speed, Jalan Wong Ah Jang, Kuantan, Pahang, kamu dengan sengaja telah mematahkan handle motosikal dan memotong wayar bagi menghidupkan enjin motosikal jenis Honda EX-5, No. pendaftaran CBW 1336 dan melarikan motosikal tersebut dengan niat untuk mencuri. Kamu meminta rakan kamu supaya menjual motosikal tersebut dan telah memperolehi wang hasil jualan motosikal yang dicuri sebanyak RM250.00 dan menyerahkan kepada rakan kamu sebanyak RM20.00.

3. Bahawa kamu pada bulan September 2007, jam lebih kurang 3.30 petang, bertempat di pusat Cyber Café Matrix, Jalan Wong Ah Jang, Kuantan, Pahang, kamu dengan sengaja telah mematahkan handle motosikal dan memotong wayar bagi

menghidupkan enjin motosikal jenis Honda EX-5, No. pendaftaran ABY 7468 dan melarikan motosikal tersebut dengan niat untuk mencuri. Kamu meminta rakan kamu supaya menjual motosikal tersebut dan telah memperolehi wang hasil jualan motosikal yang dicuri sebanyak RM300.00 dan menyerahkan kepada rakan kamu sebanyak RM20.00.

4. Bahawa kamu pada bulan September 2007, jam lebih kurang 4.00 petang, bertempat di pusat Cyber Café Speed, Jalan Wong Ah Jang, Kuantan, Pahang, kamu dengan sengaja telah mematahkan handle motosikal dan memotong wayar bagi menghidupkan enjin motosikal jenis Honda EX-5 dan melarikan motosikal tersebut dengan niat untuk mencuri. Kamu telah menjual motosikal tersebut melalui rakan kamu dan memperolehi wang hasil jualan motosikal yang dicuri sebanyak RM200.00.

5. Bahawa kamu pada bulan Disember 2007, jam lebih kurang 7.40 malam, bertempat di kedai Cyber Café Meteor, Taman Inderapura, Kuantan, Pahang kamu bersama rakan sejenayah dengan sengaja telah mematahkan handle motosikal dan memotong wayar bagi menghidupkan enjin motosikal jenis Honda EX-5, No. pendaftaran DBA 7197 dan melarikan motosikal tersebut dengan niat untuk mencuri. Kamu bersama rakan sejenayah telah melarikan motosikal yang dicuri ke Kuala Lumpur.

6. Bahawa kamu pada 21 September 2007, jam lebih kurang 6.00 petang, bertempat di hadapan sebuah kedai makan, taman perumahan Seri Inderapura, Kuantan, Pahang, kamu bersama rakan sejenayah dengan sengaja telah mencederakan mangsa seorang lelaki Melayu dengan menggunakan topi keledar dan membawa lari sebuah motosikal No. pendaftaran CCA 3431 milik mangsa lalu membakarnya.

Dengan Arahan
Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri
t.t.

Tarikh: 7 Mac 2008 (Mohamad Irza bin Dahari)
Penolong Setiausaha
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

(Ruj: KAMJ-17526).

[3] Pemohon yang tidak berpuas hati akan perintah tahanan tersebut telah memfailkan notis usul (lampiran 3) pada 9 September 2008 untuk mencabar perintah tersebut.

[4] Sewaktu pendengaran notis usul berkenaan, En. Richard Wee yang mewakili pemohon telah membangkitkan dua (2) isu utama bagi mencabar perintah berkenaan, iaitu:

(i) YB Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri (TMKDN) tiada kuasa untuk menandatangani perintah tahanan pada 7 Mac 2008 memandangkan Parlimen telahpun dibubarkan pada masa itu dan 'caretaker government' tiada kuasa untuk membuat apa-apa perintah tahanan.

(ii) Persidangan Lembaga Penasihat tidak adil dan tidak mengikut prinsip 'Natural Justice', iaitu:

- Pemohon didorong dan dipaksa untuk mengaku salah terhadap tuduhan yang dikenakan.
- Kaedah-kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Prosedur) 1972 tidak dikuti.
- Tuduhan kabur.
- Notis untuk hadir persidangan terlalu singkat dan pemohon tidak faham prosiding.
- Keahlian Lembaga Penasihat dicabar.
- Pemohon tidak diberi peluang untuk memberi representasi atau hujah.

[5] Peguambela responden-responden, En. Azlan Shah pula menyatakan asas permohonan pemohon tidak bermerit/ berasas kerana Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri punya kuasa yang sah untuk menandatangani perintah tahanan walaupun Kerajaan yang sedia ada hanya bertindak sebagai 'caretaker government' sahaja.

[6] Juga, Kaedah-kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Prosedur Lembaga Penasihat) 1972 telah diikuti manakala tuduhan yang dikemukakan adalah kabur. Notis untuk representasi telah dihantar pada 1 April 2008 dan 27 Mac 2008. Secara

A amnya, semua kehendak prosedur telahpun dipatuhi oleh responden dan memohon permohonan ditolak kerana tidak berasas atau tiada merit.

[7] Setelah menelitikan notis permohonan, afidavit sokongan dan
B afidavit jawapan dan afidavit balasan yang difailkan, dan setelah mendengar hujah kedua-dua pihak, mahkamah dapati dan putuskan bahawa kedudukan TMKDN semasa menjalankan tugas pada 7 Mac 2008 adalah sah dan beliau menjalankan tugas harian sepertimana yang biasa dilakukan olehnya. Oleh itu, proses
C membuat keputusan dan pengeluaran perintah tahanan adalah suatu yang biasa atau rutin dan bukan satu dasar atau tugas baru. Dengan itu, perintah tahanan yang ditandatangani pada 7 Mac 2008 adalah sah dan teratur dan tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan atau Undang-undang.

D **[8]** Merujuk kepada petikan: "A caretaker government has limited power" oleh Dr. Shad Faruqi:

> However, by convention the caretaker government should not make any politically controversial decisions such as making
E appointments or dismissals in key posts, make important policy decisions, implement new laws or commit the incoming government into any expenditure.

[9] Merujuk kepada petikan di atas, saya putuskan apa yang dilakukan oleh Timbalan Menteri dalam menandatangani perintah
F tahanan bukan termasuk dalam petikan di atas. Apa yang dilakukan hanyalah tugas biasa beliau, iaitu menandatangani perintah tahanan setelah beliau merujuk kepada fail siasatan yang dijalankan oleh pihak polis terhadap pemohon.

G **[10]** Saya juga mendapati TMKDN telahpun mengkaji dan menelitikan secara mendalam akan fail siasatan ke atas kegiatan jenayah pemohon dan setelah berpuas hati akan fakta-fakta yang terkandung dalam laporan siasatan tersebut, TMKDN telah mengeluarkan perintah tahanan pada 7 Mac 2008. Ini jelas
H didapati daripada affidavit jawapan TMKDN, khususnya di para 7, 8, 11, 12, 13 dan 14.

Para 7:

> Seterusnya, pada 07-03-2008 saya telah menerima kes fail
I Pemohon yang mengandungi dokumen-dokuemn dan laporan-laporan lengkap berhubung dengan penahanan dan penyiasatan yang telah dijalankan oleh polis ke atas Pemohon. Saya telah

meneliti kes fail tersebut, dan setelah saya berpuas hati bahawa Pemohon perlu ditahan, maka pada 07-03-2008 saya telah memutuskan supaya Pemohon ditahan di bawah Seksyen 4(1) Ordinan tersebut mulai 07-03-2008 bagi tempoh dua (2) tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor. Saya tidak dapat menzahirkan kes fail berkenaan aktiviti Pemohon kerana berpendapat dengan berbuat demikian ianya bertentangan dengan kepentingan Negara menurut seksyen 11 Ordinan tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut.

Para 8

Selanjutnya, pada 07-03-2008 saya telah mengarahkan pegawai saya ENCIK MOHAMAD IRZA BIN DAHARI untuk menyediakan Perintah Tahanan, Alasan-Alasan yang atasnya Perintah itu dibuat dan Pengataan-Pengataan Fakta yang atasnya Perintah itu diasaskan yang bersesuaian dengan keputusan saya supaya Pemohon ditahan mulai 07-03-2008. Lanjutan daripada arahan tersebut ENCIK MOHAMAD IRZA BIN DAHARI telah mengemukakan Perintah Tahanan, Alasan-Alasan yang atasnya Perintah itu dibuat dan Pengataan-Pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan yang dikehendaki oleh saya dan setelah disemak, saya mendapati butiran-butiran pada Perintah Tahanan, Alasan-Alasan yang atasnya Perintah itu dibuat dan Pengataan-Pengataan Fakta yang atasnya Perintah itu diasaskan yang telah disediakan itu adalah bersesuaian dengan kehendak keputusan saya yang memerintahkan Pemohon ditahan iaitu bagi tujuan mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam dan menghapuskan kekerasan atau mencegah jenayah melibatkan kekerasan. Dalam hal berkaitan Pemohon, saya menyatakan bahawa setelah meneliti laporan dan dokumen-dokumen yang terkandung dalam kes fail berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Pemohon, saya telah menggunakan minda saya dan saya telah berpuas hati bahawa Pemohon adalah ketua kumpulan curi motosikal yang bergiat aktif di sekitar Kuantan, Pahang yang telah melibatkan diri dalam kegiatan yang memudaratkan ketenteraman awam dan kegiatan jenayah berunsur kekerasan dan saya berpuas hati bahawa penahanan perlu dibuat ke atas Pemohon dengan tujuan mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam dan menghapuskan kekerasan atau mencegah jenayah melibatkan kekerasan.

Para 11

Saya sesungguhnya dengan suci hati percaya bahawa Perintah Tahanan yang dibuat oleh saya terhadap Pemohon adalah sah dan tidak dibuat dengan niat jahat terhadap Pemohon. Perintah Tahanan itu adalah betul dan sah di sisi undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan dan dibuat menurut prinsip keadilan semula jadi. Saya juga menyatakan penahanan terhadap Pemohon adalah berasas dan tidak sembarangan. Saya dengan sebenar-benarnya percaya semua proses penahanan hinggalah kepada perkenan Yang Di Pertuan Agong menepati segala peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Ordinan tersebut.

Para 12

Merujuk kepada perenggan 12, 13, 14 dan 15 dalam Afidavit Pemohon, saya menafikan penyataan-penyataan yang terkandung didalamnya dan saya mengulangi Pengataan-Pengataan saya yang terdapat di dalam perenggan 5 hingga 11 di atas dan sesungguhnya percaya bahawa alasan-alasan Perintah Tahanan yang dibuat di bawah Ordinan tersebut adalah sah dan mengikut skop undang-undang sebagaimana yang terdapat di dalam penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan Pengataan-Pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan sepertimana yang dilampirkan dan ditandakan sebagai ekshibit "MJB-1" dalam Afidavit saya ini. Saya juga ingin menyatakan bahawa Perintah Tahanan yang dikeluarkan telah diisukan dengan sempurna setelah saya mengkaji alasan-alasan dan laporan siasatan berdasarkan kepada fail siasatan dan laporan hal penangkapan dan tahanan terhadap Pemohon. Selanjutnya saya juga menolak dakwaan Pemohon yang mengatakan bahawa penahanan beliau di bawah Ordinan Darurat telah dbuat secara tidak teratur dan dengan niat buruk. Saya sekali lagi mengulangi pernyataan-pernyataan saya yang terdapat di dalam perenggan 5 hingga 11 di atas dan saya menegaskan sekeras-kerasnya bahawa saya telah menggunakan minda saya dalam mengeluarkan Perintah Tahanan tersebut. Saya sesungguhnya telah mengaplikasikan fikiran dan minda saya dalam mematuhi peraturan undang-undang dalam mengeluarkan Perintah Tahanan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Ordinan tersebut. Saya juga menegaskan bahawa penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan Pengataan-Pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan adalah sah dan sempurna tanpa ada sebarang kecacatan serta termasuk dalam lingkungan perkara dan skop seksyen 4(1) Ordinan tersebut dan justeru itu saya sesungguhnya menolak dakwaan Pemohon bahawa ianya telah dirangka secara dengan sikap *mala fide* dan bermotif jahat.

Para 13

Merujuk kepada perenggan 13.1 dalam Afidavit Pemohon, saya sesungguhnya menafikan penyataan didalamnya dan menegaskan bahawa saya mempunyai kuasa yang sah dalam mengeluarkan Perintah Tahanan di bawah seksyen 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 (selepas ini dirujuk sebagai "Ordinan tersebut"). Walaupun Parlimen telah dibubarkan, kerajaan adalah wujud kerana kerajaan sedia ada bertindah sebagai "caretaker government". Saya sesungguhnya menegaskan bahawa sebagai Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri pada masa material, saya juga mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas bagi pihak Menteri Keselamatan Dalam Negeri sepertimana yang diperuntukan di bawah Perkara 43A(2) dan Seksyen 30 Jadual Ke Sebelas Perlembagaan Persekutuan, saya diperlukan untuk membantu Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan bagi maksud sedemikian saya mempunyai kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah Ordinan tersebut. Oleh yang demikian, saya sesungguhnya menegaskan bahawa dakwaan Pemohon adalah tidak berasas. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa saya mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 4(1) Ordinan tersebut terhadap Pemohon dan Perintah Tahanan tersebut adalah sah disisi undang-undang.

Para 14

Saya sesungguhnya menyatakan bahawa saya berhak mengeluarkan Perintah Tahanan tersebut kerana pihak polis telah menahan dan menjalankan siasatan ke atas Pemohon sebelum Parlimen dibubarkan dan tindakan saya ini adalah satu proses berterusan daripada tindakan pihak polis tersebut. Oleh yang demikian, kuasa untuk saya mengeluarkan Perintah Tahanan tersebut adalah juga merupakan satu proses yang berterusan yang mana ianya adalah sejak hari pertama Pemohon ditahan di bawah Seksyen 3(1) Ordinan tersebut dan saya telah menggunakan minda saya dan saya telah berpuas hati bahawa terdapat sebab-sebab yang munasabah yang menunjukkan Pemohon adalah ketua kumpulan curi motosikal yang bergiat aktif di sekitar Kuantan, Pahang yang telah melibatkan diri dalam kegiatan yang memudaratkan ketenteraman awam dan kegiatan jenayah berunsur kekerasan. Saya berpuas hati bahawa penahanan perlu dibuat ke atas Pemohon dengan tujuan mencegah daripada melakukan perbuatan dengan apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam dan menghapuskan kekerasan atau mencegah jenayah melibatkan

A kekerasan. Oleh itu, ia tidak menjejaskan kuasa yang ada pada saya untuk membuat Perintah Tahanan tersebut. Selain itu, saya tidak mencipta atau membuat dasar atau undang-undang yang baru apabila saya menandatangani Perintah Tahanan tersebut kerana kuasa tersebut telah sedia wujud di dalam peruntukan Ordinan
B tersebut.

[11] Setetelah menelitikan afidavit jawapan di atas, saya memutuskan perintah tahanan yang ditandatangani itu telah dibuat setelah TMKDN berpuas hati akan laporan siasatan yang telah dijalankan ke atas pemohon oleh pihak polis dan oleh itu, ianya
C adalah sah, teratur dan berkuatkuasa. Dengan itu, alasan pertama pemohon ini adalah ditolak.

[12] Merujuk kepada afidavit jawapan 12 dan 13, jelas dakwaan pemohon tidak berasas. Di Lampiran 12, di para 5, 6, 7 pemohon
D telah ditanya akan haknya dan pemohon telah dimaklum untuk memanggil saksi. Para 9 jelas menjawab dakwaan pemohon dan para 10 menyatakan prosiding telah dijalan mengikut undang-undang.

E **[13]** Merujuk kepada afidavit jawapan (lampiran 12) dan afidavit jawapan Cif. Insp. Zaini Bahron (lampiran 13) pemohon telahpun ditanya akan haknya untuk memanggil mana-mana saksi. Merujuk kepada para 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11 pemohon telahpun diberi peluang untuk membuat representasi dan oleh itu, keperluan
F Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Prosedur) 1972 telahpun dipatuhi semuanya oleh pihak responden.

Para 5

G Pada 25.3.2008, pihak Lembaga Penasihat telah menghantar satu Notis Pendengaran Representasi (selepas ini dirujuk sebagai "Borang II") di bawah Kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah (Acara), 1972 (selepas ini dirujuk sebagai "Kaedah-Kaedah tersebut") kepada Pemohon yang memberitahunya mengenai tarikh, masa dan tempat Lembaga
H Penasihat akan bersidang untuk mendengar representasi Pemohon berkaitan dengan Perintah Tahanan yang telah dibuat terhadapnya iaitu pada 1.4.2008, jam 10.30 pagi di PPA Simpang Renggam, Johor. Salinan Borang II tersebut adalah sepertimana yang dilampirkan secara kolektif serta ditandakan sebagai ekshibit "RA-
I 2" di dalam affidavit saya ini.

Para 6

Sebelum prosiding representasi dijalankan, Pemohon telah ditanya sama ada Pemohon memahami Bahasa Melayu dan Pemohon telah memberitahu bahawa beliau faham Bahasa Melayu. Prosiding persidangan representasi dijalankan dalam bahasa Melayu. Saya menegaskan bahawa Pemohon memahami hak-hak beliau dan boleh berkomunikasi dengan sempurna semasa persidangan representasi dijalankan ke atas Pemohon. Saya seterusnya menyatakan bahawa Lembaga Penasihat telah bersidang selama 1 hari dan Pemohon juga telah hadir dalam persidangan tersebut. Saya juga menyatakan bahawa Pemohon juga telah dimaklumkan akan haknya untuk memanggil saksi dan diwakili oleh Peguam bela. Pemohon faham akan hak-haknya. Namun begitu, Pemohon memaklumkan kepada Lembaga Penasihat bahawa Pemohon bersedia untuk meneruskan persidangan representasi pada hari tersebut pada 1.4.2008.

Para 7

Pada 8.4.2008, setelah menimbangkan representasi yang dibuat oleh Pemohon, Lembaga Penasihat telah membuat syor-syor mengenai representasi tersebut kepada Yang Di Pertuan Agong. Selanjutnya, setelah menimbangkan syor-syor Lembaga Penasihat tersebut, pada 16.4.2008, Yang DiPertuan Agong telah memperkenankan Perintah Tahanan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri di bawah Seksyen 4(1) Ordinan tersebut terhadap Pemohon. Saya tidak dapat menzahirkan laporan dan syor yang dibuat oleh Lembaga Penasihat kerana berpendapat dengan berbuat demikian, ia adalah bertentangan dengan kepentingan Negara menurut Seksyen 11 Ordinan tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut.

Para 8

Saya mengesahkan bahawa Borang-borang I dan II telah diserahkan secukupnya kepada Pemohon dan juga mengesahkan bahawa Lembaga Penasihat telah membuat rekomendasi yang sepatutnya kepada Yang DiPertuan Agong berkenaan representasi yang dibuat oleh Pemohon sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Para 9

Merujuk kepada perenggan 13.2(a), (b) dan (c) dalam afidavit Pemohon, saya sesungguhnya ingin menyatakan bahawa saya telah hadir semasa prosiding pendengaran representasi Lembaga Penasihat dijalankan terhadap Pemohon. Saya dengan tegasnya menafikan dakwaan-dakwaan Pemohon dan mengulangi penyataan saya di perenggan 4 hingga 8 di atas dan dengan sesungguhnya menyatakan dengan suci hati bahawa segala kehendak di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat telah dipatuhi dan menyatakan bahawa sesungguhnya hak pendengaran representasi telah diberi kepada Pemohon mengikut peruntukan undang-undang. Pertimbangan yang sewajarnya telah diberikan terhadap representasi Pemohon di hadapan Lembaga Penasihat.

Para 10

Merujuk kepada perenggan 13.2.(d) dalam Afidavit Pemohon, saya menegaskan bahawa Pemohon telah diserahkan dokumen-dokumen yang relevan selaras dengan Kaedah-Kaedah tersebut dalam kadar segera dan saya percaya hak-hak Pemohon yang dijamin di bawah Ordinan tersebut serta Kaedah-Kaedah tersebut tidak terjejas. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa prosiding representasi yang dilakukan oleh Lembaga Penasihat adalah mematuhi kehendak undang-undang dan bukan sekadar memenuhi salah satu pra-syarat di bawah Ordinan tersebut dan Kaedah-Kaedah tersebut serta dijalankan dengan adil. Saya percaya tiada perlanggaran kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Ordinan tersebut serta Kaedah-Kaedah tersebut. Pemohon juga telah dimaklumkan mengenai tarikh representasi melalui Borang II bertarikh 25.3.2008.

Para 11

Merujuk kepada perenggan 13.3 (f) dalam Afidavit Pemohon, saya sesungguhnya ingin menegaskan bahawa Pemohon telahpun diberikan peluang untuk mengemukakan representasi dan pembelaan beliau sebelum diarahkan keluar dari bilik persidangan. Dakwaan Pemohon yang menyatakan bahawa persidangan representasi hanya berlangsung lebih kurang 5 minit sahaja adalah dinafikan dan tidak benar sama sekali kerana melalui pengalaman saya menjadi Setiausaha Lembaga Penasihat akan bersidang paling kurang mengambil masa lebih 15 minit bagi Pemohon menjalani persidangan tersebut.

[14] Merujuk kepada lampiran 13 iaitu afidavit jawapan Cif. Insp. Zaini Bahron khususnya di para 7, 8, 9, 10, dan 11 telah menafikan ada memaksa pemohon untuk mengaku salah sewaktu persidangan representasi dijalankan. Ini berikutan dengan dakwaan pemohon di afidavit sokongannya di para 13.3.(b) menyatakan: "Kalau aku jeling engkau, maknanya aku marah la tu".

Para 7

Sebaik sahaja menyampaikan dokumen-dokumen tersebut, saya telah memberitahu Pemohon tentang hak-hak Pemohon untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat mengikut Seksyen 5(2) Ordinan tersebut dalam Bahasa Melayu dan kemudiannya diterjemahkan semula dalam Bahasa Melayu yang mudah iaitu dalam pertuturan Negeri Pahang oleh D/SM AZIZAN BIN SAAD kepada Pemohon.

Para 8

Selanjutnya, saya sesungguhnya ingin menambah dan menyatakan bahawa kelewatan menghantar Pemohon ke PPA Simpang Renggam, Johor selama satu hari iaitu pada 8.3.2008 sedangkan Perintah Tahanan berkuatkuasa pada 7.3.2008 adalah kerana Perintah Tahanan diterima oleh saya dan diserahkan kepada Pemohon pada malam 7.3.2008. Perjalanan dari Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan, Pahang ke Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Simpang Renggam, Johor memakan masa yang lama dan amat berisiko tinggi dari segi keselamatan jika dilakukan pada sebelah malam memandangkan Perintah Tahanan hanya dapat diserahkan kepada Pemohon pada sebelah malam. Oleh yang demikian, Pemohon hanya dihantar ke PPA Simpang Renggam, Johor pada 8.3.2008 dan saya percaya ia adalah dalam tempoh kesegeraan yang praktik. Maka sehingga Pemohon dimasukkan ke PPA Simpang Renggam, Johor Pemohon masih berada dalam pengawasan sementara saya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor, Johor.

Para 9

Merujuk kepada Afidvit Pemohon, saya mengulangi pengataan-pengataan saya yang terdapat di dalam perenggan 5 dan 6 di atas dan saya menegaskan sekeras-kerasnya bahawa saya telah menyerahkan dan menerangkan dengan jelas segala isi kandungan perintah tahanan serta penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah tahanan itu diasaskan kepada Pemohon tanpa

memprejudiskan selaras dengan Seksyen 5(1) dan 5(2) Ordinan tersebut. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa saya D/SM AZIZAN BIN SAAD telah hadir dihadapan Pemohon seperti penyataan saya di perenggan 5, 6 dan 7 di atas. Saya percaya Pemohon memahami penerangan saya dalam Bahasa Melayu dan terjemahan yang dilakukan oleh D/SM AZIZAN BIN SAAD ke dalam Bahasa Melayu yang mudah iaitu dalam pertuturan Negeri Pahang memandangkan Pemohon telah menurunkan tandatangan di muka surat 2 Perintah Tahanan tersebut tanpa sebarang paksaan.

Para 10

Merujuk kepada Afidavit Pemohon, saya juga ingin menambah dan mengulangi penyataan saya dalam perenggan 5, 6, dan 7 di atas serta saya sesungguhnya menyatakan bahawa Pemohon telahpun diserahkan dengan perintah tahanan tersebut, alasan-alasan dan pengataan-pengataan fakta dan kandungan telah diterangkan. Saya juga ingin menegaskan bahawa Pemohon telah pun diberitahu tentang hak-hak beliau untuk membuat representasi dan mendapatkan khidmat peguam sepertimana yang diperuntukkan dalam Perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan.

Para 11

Saya menegaskan bahawa tahanan terhadap Pemohon adalah sah di sisi undang-undang. Saya juga ingin menyatakan bahawa perintah tahanan tersebut, alasan-alasan dan pengataan-pengataan fakta tersebut telah disampaikan kepada Pemohon dengan sempurna dan Pemohon telah diterangkan isi kandungannya serta tentang hak-hak Pemohon untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat dan saya percaya Pemohon telah memahami dengan sejelas-jelasnya. Saya percaya bahawa segala hak Pemohon yang diperuntukkan di bawah Ordinan tersebut dan Perlembagaan Persekutuan telah diikuti.

[15] Dengan menelitikan afidavit di atas, saya putuskan setiap dakwaan pemohon telah disangkal sepenuhnya oleh pihak responden dan saya berpuas hati dakwaan pemohon ini tidak berasas.

Kes rujukan: *Su Yu Min v. Ketua Polis Negeri & Ors* [2005] 3 CLJ 875

Tay Lay Beng v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [2004] 8 CLJ 674.

[16] Pemohon juga mencabar keahlian Lembaga Penasihat. Namun begitu, asas mencabar keahlian Lembaga Penasihat ini adalah kabur kerana menurut pemohon, mereka ini tidak layak untuk menjadi ahli Lembaga di bawah undang-undang.

[17] Saya telah merujuk kepada afidavit jawapan Rokiah Awang (lampiran 12) khususnya di para 12, 13 dan 14 dan memutuskan ahli Lembaga Penasihat adalah layak dan berwibawa dan oleh itu, bantahan pemohon adalah tidak berasas dan ditolak.

Rujuk kes: *Logeswaran a/l Rethrinam v. TMKDN dan 2 lagi* (Rayuan Jenayah 05-90-08 dan 05-91-08 Mahkamah Tinggi Shah Alam).

[18] Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dan memutuskan bahawa pemohon telah gagal mengasaskan telah berlaku 'procedural impropriety' atau ketakpatuhan prosedur daripada proses undang-undang dalam permohonan ini.

[19] Dengan itu, saya putuskan perintah tahanan bertarikh 7 Mac 2008 adalah sah dan teratur dan permohonan bagi satu writ *habeas corpus* adalah ditolak.